38/2020

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

# SEMINAR MINGGUAN
# INSPEM DALAM TALIAN

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2020 | MASA : 3.15 PM**
**MEDIUM : PERSIDANGAN VIDEO (GOOGLE MEET)**
*https://meet.google.com/wvg-etio-equ*

## Dr. Kassim Bahali

*Felo Tamu*
*Institut Alam dan Tamadun Melayu*
*Universiti Kebangsaan Malaysia.*

KLIK SINI UNTUK PENDAFTARAN

## Topik : Penentuan waktu subuh di alam Melayu


### ABSTRAK

Pada masa kini awal waktu subuh dan waktu solat fardu yang lain tidak lagi ditentukan berdasarkan kepada cerapan fenomena alam menurut dalam Al-Quran dan As-Sunnah. Bagi awal waktu subuh ditentukan dengan kemunculan atau terbit fajar sidik. Waktu solat kini ditentukan secara hitungan berdasar perspektif falak. Bagi hitungan waktu subuh di dunia Islam hari ini ditentukan berdasarkan kepada parameter sudut tunduk matahari di bawah ufuk pada sudut 18°, 18.5°, 19°, 19.25°, 19.5°, dan 20°. Sementara di Alam Melayu menggunakan pada sudut 19° dan 20°. Dalam Seminar ini penyelidik akan membincangkan kajian yang dijalankan iaitu penentuan sudut tunduk matahari di Alam Melayu bagi menentukan awal waktu subuh. Kajian telah dijalankan dari 2017 hingga 2019 di 27 lokasi di Malaysia, Indonesia dan selatan Thailand. Dalam tempoh tersebut sejumlah 121 hari dengan data cerapan yang positif diperoleh. Kaedah pengesanan kemunculan fajar sidik adalah dengan kaedah pengimejan fotometri menggunakan kamera Kanta Pemantul Tunggal Digital, DSLR (Digital Single Reflex Lens). Dari kajian ini mendapati purata sudut tunduk matahari ketika terbit fajar sidik ialah 17°.


#UNSDG